

**Umno Dakwa Kerajaan Negeri 'Anaktirikan' Projek Perumahan Kerajaan Pusat
Bernama
9 September, 2012**

NIBONG TEBAL, 9 Sept (Bernama) -- Badan Perhubungan Umno Pulau Pinang kesal dengan tindakan kerajaan negeri yang mengenakan pelbagai syarat tambahan untuk meluluskan projek perumahan kos rendah oleh tiga agensi kerajaan pusat.

Pengerusi Badan Perhubungan Umno Negeri Datuk Zainal Abidin Osman berkata agensi terbabit ialah Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang (Perda), JKP Sdn Bhd dan Lembaga Pembangunan Bandar (UDA).

"Kita telah menerima surat daripada pihak berkuasa tempatan (PBT) yang menyatakan bahawa mulai sekarang, semua projek perumahan ketiga-tiga agensi itu hendaklah terlebih dahulu dimajukan kepada Jawatankuasa Perancangan Negeri yang dipengerusikan oleh Ketua Menteri Lim Guan Eng," katanya kepada pemberita di sini hari Ahad.

Beliau berkata berdasarkan amalan baharu itu, setelah jawatankuasa pembangunan berpuas hati, barulah projek perumahan dirujuk kepada PBT untuk kelulusan pelan dan pemberian Sijil Kependudukan (OC).

Katanya syarat itu tidak pula dikenakan kepada syarikat pemaju swasta yang boleh terus melaksanakan projek mengikut amalan biasa, iaitu hanya memohon kepada PBT.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=693299>